

# Setiap agensi, PBT wajar tubuh Unit Alam Sekitar - JAS Melaka

BH ONLINE | Rabu, 7 Ogos 2019 | 8:05pm



Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri, Rosli Osman. - Foto Khairunisah Lokman

AYER KEROH: Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri mencadangkan setiap agensi kerajaan dan pihak berkuasa tempatan (PBT) menubuhkan Unit Alam Sekitar bagi memperkasakan garis panduan dalam bidang berkenaan.

Pengarah JAS negeri, Rosli Osman, berkata unit itu berupaya menjadi pengimbang kepada setiap keputusan serta bentuk kelulusan baharu yang hendak dibuat dengan menjadikan peraturan dan garis panduan di bawah undang-undang JAS sebagai petunjuk.

“Sudah tiba masanya untuk agensi kerajaan yang berkaitan dengan penguatkuasaan dan berkaitan pelan mempunyai Unit Alam Sekitar. Ini membolehkan setiap permohonan dan usul yang hendak diluluskan mengambil kira impak kepada alam sekitar.

“Saya difahamkan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) di negeri ini sudah memiliki unit ini, di mana ia memberi banyak kelebihan serta kebaikan kepada PBT berkenaan,” katanya ketika ditemui di pejabatnya di Menara Persekutuan, MITC, di sini, hari ini.

Ditanya perlukah diwujudkan prosedur operasi standard (SOP) khususnya berkaitan kerjasama dan peranan semua agensi yang berkaitan alam sekitar dan sungai, Rosli berkata, kewujudan agensi sedia ada memadai tetapi perlu bersama-sama mempertingkatkan kerjasama.

“Kerajaan negeri juga akan memanggil satu mesyuarat bagi melihat semula Sungai Melaka khususnya. Di Melaka ini, kita beruntung kerana adanya badan integriti seperti Jawatankuasa Kompetensi, Akauntabiliti dan Ketelusan Melaka (MELCAT) yang dapat memperkasakan elemen integriti dalam pentadbiran kerajaan negeri.

“Pada masa yang sama, di Melaka juga mempunyai satu badan dinamakan Badan Kawal Selia Air (BKSA) yang hanya terdapat di Melaka, Johor, Selangor dan Sabah yang memberi penumpuan kepada pengawalan sumber dan kualiti air,” katanya.